



Rujukan kami : **MDJ.200-7/7/4/2025 JLD1**
Tarikh : **24 Zulkaedah 1446H bersamaan**
22 Mei 2025

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang beralamat di Jajahan Jeli yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan gred, kategori, dan pengkhususan yang berkaitan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) berdaftar di Majlis Daerah Jeli dan masih dibenarkan membuat tawaran:-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	GRED	KATEGORI / PENGKHUSUSAN
MDJ.SH(KRJ)01/2025	MENAIKTARAF JALAN KE TEMPAT PELUPUSAN SAMPAH DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	G1	CE01,CE21
MDJ.SH (KR-P/L)01/2025	MENAIKTARAF LONGKANG DI PERUMAHAN MUHIBBAH DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JELI KELANTAN	G1	CE34,CE21
MDJ.SH (KR-P/G)01/2025	MENAIKTARAF PASAR AWAM BANDAR JELI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	G1	B24, CE21
MDJ.SH (PBT-S/R)01/2025	MENAIKTARAF INFRASTUKTUR PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	G1	E04, CE21
MDJ.SH (PBT-M/B)01/2025	MENAIKTARAF LANDSKAP DALAM JAJAHAN JELI DAN KERJA BERKAITAN	G1	CE14,CE21
MDJ.SH (PBT-K/A)01/2025	MEMBINA TANDAS AWAM DALAM JAJAHAN JELI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN	G1	B24,CE21
MDJ.SH (PBT-T/A)01/2025	MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT PERMAINAN KANAK-KANAK DI TAMAN AWAM PADANG BOLA KG LEGEH	G1	CE14,CE21

Kontraktor yang layak dan berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi **PENDAFTARAN** dan **TAKLIMAT SEBUTHARGA** pada tarikh, masa, dan tempat yang ditetapkan dengan membawa bersama **DOKUMEN ASAL YANG TERKINI SAHAJA** seperti berikut:-

- i. Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB),
- ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK),
- iii. Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (STB),
- iv. Sijil Perakuan Pendaftaran (SSM),
- v. Cop Rasmi Syarikat,
- vi. Kad Pengenalan asal penama / tuan punya syarikat.

Tarikh Pendaftaran Dan Taklimat	29 MEI 2025 (KHAMIS)
Masa Pendaftaran	JAM 10:00 PAGI HINGGA 11:00 PAGI
Tempat Pendaftaran	DEWAN KERANJI MAJLIS DAERAH JELI
Masa Taklimat	JAM 11:15 PAGI
Tempat Taklimat	DEWAN KERANJI MAJLIS DAERAH JELI
Lawatan Tapak	TIADA <i>(Akan Diberitahu Semasa Taklimat Jika Perlu)</i>
Tempat Pembelian Borang	KAUNTER MAJLIS DAERAH JELI
Tarikh Pembelian Borang	29 MEI 2025 (KHAMIS)
Masa Pembelian Borang	09:00 PG - 03:00 PTG (Ahad – Rabu) 09:00 PG - 02:00 PTG (Khamis)

1. Penyebut harga **DIWAJIBKAN MENDAFTAR DAFTAR PEMBORONG BAGI TAHUN 2025** terlebih dahulu sebelum dibenarkan membuat pembelian borang sebut harga.

2. Hanya **PENAMA / TUAN PUNYA SYARIKAT YANG SAH SAHAJA** dibenarkan mengambil bahagian dalam sebut harga ini. Wakil / rakan kongsi kontraktor yang tiada nama dalam pendaftaran **CIDB** tidak layak untuk terlibat dalam sebut harga ini

3. **KEBENARAN KHAS (KK) CIDB TIDAK DIBENARKAN** menyertai sebut harga ini.
4. Kontraktor hendaklah atas inisiatif sendiri melawat tapak berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kenyataan sebut harga ini.
5. Dokumen sebut harga boleh dibeli **SECARA TUNAI** dengan harga **RM 50.00** senaskah. Pastikan menerima satu salinan resit bayaran. Dokumen akan diberikan secara digital melalui email kepada kontraktor yang sah berdaftar Sahaja. Wajib dibukukan / didokumentasikan.
6. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dengan mencatatkan **TAJUK** dan **NO.SEBUTHARGA** di bahagian atas sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA** yang disediakan oleh Majlis Daerah Jeli sebelum atau pada **04/06/2025 (RABU) JAM 12:00 TENGAHARI**

Sekian.

“ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”



(HAJI NIK ABDUL HALIM BIN HAJI NIK HASSAN)

Setiausaha

b.p : Yang Dipertua

MAJLIS DAERAH JELI

SK-

Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli,
17600 Jeli, Kelantan.

Jabatan Kerja Raya Jajahan Jeli,
17600 Jeli, Kelantan.

Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Jeli,
17600 Jeli, Kelantan.

Pautan <https://mdjeli.kelantan.gov.my> (Ruangan TENDER & SEBUTHARGA)